

'UPSR masih kaedah terbaik'

Cara penilaian tanpa bergantung kepada peperiksaan dikaji: Hishammuddin

Oleh Zulkofli Jamaluddin, Norfatimah Ahmad, Hassan Omar, Munaarfah Abu Bakar, Hardi Effendi Yaacob, Tuan Nazuri Tuan Ismail, Mona Ahmad, Hasnira Hassan, Sazarina Shahrin, Nurashiqin Omar, Mohd Amin Jalil dan Suhaila Ismail

KUALA LUMPUR: Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) adalah kaedah terbaik setakat ini bagi menilai pencapaian murid dan jika mahu dimansuhkan, kaedah lebih baik perlu disediakan.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata ketika ini, kementerian sedang mengkaji aspek penilaian berterusan pencapaian murid tanpa terlalu bergantung kepada sistem peperiksaan tetapi mengakui UPSR masih menjadi kaedah terbaik.

Sehubungan itu, beliau meminta Majlis Guru Besar Malaysia (MGBM) mengemukakan cadangan konkrit kaedah penilaian pencapaian murid secara berterusan tanpa terlalu bergantung kepada peperiksaan.

Sambil mengalu-alukan pandangan MGBM supaya UPSR dimansuhkan, Hishammuddin berkata, berdasarkan sistem pendidikan berasaskan UPSR sekarang, masih ada murid Tahun Enam yang gagal menguasai kemahiran membaca, menulis

dan mengira (3M).

"Saya tunggu kertas kerja mereka dulu tetapi dalam Pelan Induk (Pembangunan Pendidikan 2006-2010), saya nyatakan bahawa penekanan kepada peperiksaan adalah antara perkara yang sedang saya teliti."

"Penting untuk kita melihat kaedah menilai pencapaian anak kita. Bukan saja pada peperiksaan, malah melalui penilaian berterusan. Sama ada ia akan diterjemahkan kepada penghapusan peperiksaan, tidak boleh kita buat keputusannya sekarang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno yang dipengerusikan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini semalam.

Hishammuddin mengulas cadangan Yang Dipertua MGBM, Awang Mohamad kelmarin supaya UPSR dimansuhkan kerana sistem peperiksaan itu didakwa terlalu mementingkan keputusan akademik dan tidak membantu

pembentukan sahsiah diri murid.

Awang dilaporkan berkata, pemansuhan itu wajar bagi membolehkan murid memberi tumpuan kepada sistem pembelajaran nilai murni dan jati diri yang seharusnya dimulakan di peringkat awal.

Sementara itu, banyak pihak tidak bersetuju UPSR dimansuhkan tetapi mahu sistem peperiksaan itu diperbaiki supaya tidak terlalu mementingkan keputusan akademik dan menitikberatkan aspek membentuk sahsiah diri murid.

Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Ismail Nihat, berkata UPSR perlu dirombak semula kerana fokus guru dan ibu bapa sudah terpesong berikutan terlalu mementingkan keputusan akademik sehingga mengabaikan pembentukan sahsiah murid.

Presiden Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Prof Madya Dr Mohamad Ali Hassan, berkata UPSR perlu diubah supaya banyak penilaian sahsiah atau program membina keperibadian murid diwujudkan.

"Jika dihapuskan terus UPSR ini, sukar untuk guru menilai sejauh mana tahap pembelajaran dan pemahaman murid, justeru kita perlu ada

keseimbangan antara akademik dan pembentukan sahsiah," katanya.

Di SEREMBAN, Yang Dipertua Persidangan Kebangsaan Pengetua Sekolah-Sekolah Menengah Malaysia, Azam Md Atan meminta kementerian bertanggungjawab mengkaji semula matlamat sebenar UPSR, termasuk kemungkinan hanya menjadikannya ujian dalaman bagi menguji tahap penguasaan murid terhadap kemahiran 3M.

Di ALOR STAR, Presiden Persatuan Guru-Guru Melayu Kedah, Aman Khan Md Hussain, berkata saranan MGBM itu perlu dikaji terutama dari segi mencari kaedah supaya pelajar seronok untuk belajar.

Di PERLIS, Presiden NUTP Perlis, Adenan Long, berkata UPSR dapat memastikan hanya murid terbaik dapat memasuki sekolah menengah tertentu sekali gus mendorong ibu bapa lebih mengambil berat soal pendidikan anak.

Di IPOH, Yang Dipertua PIBG SK Jelapang, Shaharuddin Deli, berkata UPSR perlu dikekalkan sebagai satu cabaran dan kekuatan kepada murid, ibu bapa dan guru dalam menilai prestasi serta kemampuan mereka bersaing dalam era globalisasi.

DI KOTA KINABALU, Presiden Kesatuan Guru Kerajaan Sabah (KGKS), Mohd Yusuf Mataim yang bersetuju dengan cadangan itu, berkata pemansuhan UPSR memberi kebaikan kepada perkembangan murid, khususnya dari segi membantu membentuk sahsiah diri dan tidak hanya tertumpu kepada akademik saja.

Di KUCHING, Pengerusi Kesatuan Guru Sarawak, William Gani Bina, berkata UPSR hanya akan memberikan tekanan kepada guru, pihak sekolah dan pelajar sedangkan ia hanya peperiksaan yang tidak mampu menentukan arah tuju pelajar.

Di KUALA TERENGGANU, Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains & Teknologi dan Sumber Manusia negeri, Datuk Dr Abdul Latiff Awang meminta Kementerian Pelajaran bukan saja mengkaji memansuhkan UPSR tetapi peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR).

Di KUANTAN, Pengarah Jabatan Pelajaran Pahang, Datuk Ahmad Azmey Abu Talib, berkata UPSR adalah mekanisme mengukur tahap pemahaman seseorang murid dalam menguasai kemahiran 3M sepanjang tempoh enam tahun pembelajaran di sekolah rendah.